

# KULIAH ZOHOR

**“Da`wah Berorientasi Mad`uu (Sasaran Dakwah)”**

Masjid Maarof | 7 Mac 2018

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadith

حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، قَالَ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ، عَنْ مَنْصُورٍ، عَنْ أَبِي وَائِلٍ، قَالَ كَانَ عَبْدُ اللَّهِ يُذَكِّرُ النَّاسَ فِي كُلِّ خَمِيسٍ، فَقَالَ لَهُ رَجُلٌ يَا أَبَا عَبْدِ الرَّحْمَنِ لَوْدِدْتُ أَنْكَ ذَكْرَتَنَا كُلَّ يَوْمٍ. قَالَ أَمَا إِنَّهُ يَمْنَعُنِي مِنْ ذَلِكَ أَنِّي أَكْرَهُ أَنْ أُمِلِّكُمْ، وَإِنِّي أَخْوَلُكُمْ بِالْمَوْعِظَةِ كَمَا كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَخَوَّلُنَا إِلَيْهَا، مَخَافَةُ السَّآمَةِ عَلَيْنَا.

# Terjemahan Hadith

- Telah diriwayatkan bahawa Abdullah b Mas`ud r.a selalu memberi nasihat kepada orang ramai setiap hari Khamis. Ketika ditanya oleh seorang lelaki, “Hai Abu Abdul Rahman, saya ingin tuan memberi ajaran dan nasihat pada setiap hari.” Jawab Ibn Mas`ud, “Sesungguhnya yang mencegah diriku untuk memberi nasihat kepada kalian setiap hari ialah kerana kekhawatiran kalian akan merasa jemu. Oleh itu, aku menjarangkan nasihat kepada kalian sebagaimana Nabi s.a.w dahulu berbuat sedemikian kepada kami kerana khuatir kami akan jemu juga.” (Al-Bukhari & Muslim)

# Pengajaran Hadith

- Fahami tabiat manusia (psikologi, budaya dan sebagainya) apabila berdakwah.
- Prinsip dakwah berorientasikan *mad`uu* (sasaran dakwah), sama seperti konsep khidmat berfokus kepada pelanggan (*customer oriented*).
- Dakwah yang hanya ikut rasa, keinginan peribadi kerana hendak cepat sampaikan sesuatu, cepat ubah manusia boleh menyebabkan usaha jadi sia-sia, orang lari atau mudarat pada yang lain.

- Berbanyak-banyak dalam amal kebaikan bukanlah satu kebaikan, jika tidak sesuai dengan fitrah manusia
  - kenali dan fahami psikologi, sosiologi dan sains berkaitan manusia.
- Dakwah perlu sentiasa tarik dankekalkan minat manusia terhadap usaha dakwah yang dilakukan
  - kenali dan fahami apa dan bagaimana untuk tarik minat manusia.
- Ingat! Dakwah adalah ibarat larian marathon
  - fikir tarikan jangka panjang, bukan untuk populariti yang segera

- Oleh kerana sifat jemu adalah fitrah manusia, maka pendakwah mempunyai dua pilihan;
  - a. Mengurus keadaan dan usaha dakwahnya agar manusia tidak jemu.
  - b. Mbenarkan manusia memenuhi rasa jemu dalam diri atau mewujudkan saluran bagi mereka melepaskan rasa jemu tanpa menyebabkan mereka lari sama sekali dari dakwah.
- Dalam hal ini, hadits ini mengajar satu teknik iaitu memberi mereka waktu rehat (*give them a break*).
- Kepentingan untuk berupaya mengurus dengan baik program dakwah dan manusia yang menjadi sasaran dakwah.